

06 NOV 2000

Parlimen-Kamera

PM BERHAK IKUTI SIDANG DEWAN MELALUI KAMERA TERTUTUP

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Speaker Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail hari ini berkata Perdana Menteri selaku ketua Majlis Mesyuarat kerajaan berhak mengikuti perjalanan persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara menerusi kamera litar tertutup.

Beliau menyatakan demikian sebagai menjelaskan persoalan yang ditimbulkan oleh Tan Kok Wai (DAP-Cheras) mengenai kamera yang dipasang di dalam dewan itu, sebaik sahaja selesai sesi soal jawab pada persidangan Dewan Rakyat.

Tan mendakwa kamera yang dipasang di dalam dewan itu adalah untuk siaran langsung kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di biliknya di Putrajaya.

"Saya difahamkan pada 3 haribulan yang lalu, PM berkata beliau memantau perjalanan dewan ini dalam biliknya di Putrajaya dengan secara langsung dan serta-merta melalui kamera televisyen dalam dewan ini," katanya.

Mohamed Zahir berkata beliau mempunyai kuasa umpamanya boleh membenarkan mana-mana televisyen atau sesiapa masuk atau keluar dari dewan ini dan sedikit masa lagi beliau hendak meletakkan (kamera) di lobi Dewan Rakyat.

"Begitu juga, saya telah membenarkan kamera itu (litar tertutup) di dalam dewan negara sekarang, begitu juga saya telah membenarkan dalam bilik saya dan dalam bilik Yang Dipertua Dewan Negara dan mengikut Peraturan 43, oleh sebab Perdana Menteri itu ialah Ketua Majlis, saya telah membenarkan kamera itu dipasang," katanya.

Bagaimanapun jawapan yang diberikan oleh Mohamed Zahir nampaknya tidak memuaskan hati Tan dan suasana dewan menjadi agak gamat dengan suara para anggota pembangkang dan penyokong kerajaan cuba memperkatakan sesuatu.

Mohamed Zahir bagaimanapun meminta wakil-wakil pembangkang menghentikan perdebatan mengenai perkara itu kerana beliau sudah pun membuat keputusan yang muktamad.

Ketika diminta mengulas mengenai perkara itu di luar dewan, Tun Zahir berkata jumlah kamera di dalam dewan itu hanya satu sahaja, melainkan pada hari Belanjawan yang baru lepas dengan banyak kamera dibenarkan masuk.

"Dalam close circuit (litar tertutup), kamera itu hanya akan suluh (menghala) kepada orang yang bercakap sahaja," katanya.

-- BERNAMA

SSA RV NMO